

Smecta® Orange-Vanilla Flavour Powder for Oral Suspension 3g

Diosmectite 3g

Maklumat yang ada dalam risalah ini:

- Apa kegunaan SMECTA®
- Bagaimana SMECTA® berfungsi
- Sebelum anda mengambil SMECTA®
- Cara mengambil SMECTA®
- Semasa anda mengambil SMECTA®
- Kesan sampingan
- Penyimpanan dan Pelupusan SMECTA®
- Deskripsi produk
- Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
- Tarikh Semakan
- Nombor Siri

Apa kegunaan SMECTA®

- Rawatan bagi cirit-birit akut di kalangan orang dewasa dan kanak-kanak berumur 2 tahun keatas selain daripada rawatan untuk rehidrasi oral.
- Rawatan simptomatik bagi cirit-birit kronik di kalangan orang dewasa.
- Rawatan simptomatik bagi sakit yang berkaitan penyakit fungsi usus di kalangan orang dewasa

Bagaimana SMECTA® berfungsi

Bahan aktif yang terkandung dalam SMECTA® adalah dioctahedral smectite yang tergolong dalam kumpulan pelindung gastro usus antidiareia.

Aktiviti pelindung gastro usus antidiareia terhasil daripada ciri salutan yang amat kuat pada mukosa gastro usus. Akibat saling tindak dengan glikoprotein mukus, SMECTA® meningkatkan pertahanan gel mukosa yang bertindak balas dengan agen agresif. SMECTA® tidak diserap mahupun dimetabolismekan.

Sebelum anda mengambil SMECTA®

Bila anda tidak boleh mengambilnya

- Jika anda menghidap penyakit tidak boleh mengambil fruktosa,

- Jika anda menghidap sindrom malserapan glukosa dan galaktosa atau kekurangan sukrosa/ somaltase
- Bagi bayi dan kanak-kanak di bawah umur 2 tahun, penggunaan SMECTA® harus dielakkan.
- Penggunaan SMECTA® chronic harus dielakkan.
- Penggunaan SMECTA® semasa mengandung dan menyusui adalah tidak digalakkan.
- Hipersensitif terhadap diosmectite atau salah satu daripada eksipien.

Sebelum anda mula mengambilnya

- Jika anda hamil atau menyusui, hubungi doktor anda sebelum menggunakan SMECTA®.

Pengambilan ubat lain

Anda disarankan supaya tidak mengambil sebarang ubat lain pada masa yang sama. Sila maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat preskripsi atau bukan preskripsi.

Cara mengambil SMECTA®

Berapa banyak untuk diambil

Rawatan Cirit-birit Akut
Kanak-kanak berusia 2 tahun dan lebih tua:

4 uncang sehari selama 3 hari, kemudian 2 uncang sehari selama 4 hari.

Orang dewasa:

Purata 3 uncang sehari. Secara praktik, dos seharian boleh duakaliganda pada permulaan rawatan.

Indikasi/Petunjuk Lain:

Orang dewasa:

Purata 9 gram (3 uncang) sehari.

Untuk Kanak-kanak dan bayi, larutkan kandungan uncang dalam botol susu ke dalam 50ml air atau campurkan dengan

makanan lembik seperti sup, buah-buahan dalam sirup (compote), puri dan makanan bayi.

Untuk orang dewasa

Larutkan kandungan uncang ke dalam 50ml air.

Bila anda boleh mengambilnya

SMECTA® hendaklah diambil pada waktu siang.

Berapa lama untuk mengambilnya

Jika simptom tidak berkurangan dalam masa 7 hari, anda hendaklah berjumpa doktor anda.

Jika anda terlupa mengambilnya

Jangan ambil dos berganda untuk membuat dos terlupa.

Jika anda mengambil terlalu banyak (terlebih dos)

Simptom akibat terlebih dos yang telah dilaporkan termasuk sembelit dan bezoar (konkresi).

Semasa anda mengambil SMECTA®

Perkara yang anda perlu lakukan

Minta nasihat doktor anda jika anda hamil atau menyusui.

SMECTA® harus diambil dengan berhati-hati pada pesakit yang mengalami sejarah cirit birit kronik.

Bagi kanak-kanak berusia lebih daripada 2 tahun, cirit-birit akut mesti dirawat bersama dengan pemberian larutan rehidrasi oral (ORS) untuk mengelakkan dehidrasi.

Rehydrate dengan banyak cairan masin atau manis, untuk membuat kehilangan cecair akibat cirit-birit.

Teruskan pengambilan makanan semasa mengalami cirit birit berlarutan: kecuali makanan seperti terutama sayur dan buah mentah, sayur hijau, makanan pedas, makanan sejuk beku atau

minuman sejuk atau pengambilan daging pagang dan nasi

Perkara yang anda tidak boleh lakukan

Tidak mengambil sebarang ubat lain pada masa yang sama.

Perkara untuk diambil perhatian

Jika cirit birit berlarutan, jangan teruskan pengambilan dan jika perlu, mula semula pada dos rendah.

SMECTA® Orang-Vanilla mengandungi 0.00798% w/w ethanol.

Kesan sampingan

Kesan sampingan yang dilaporkan adalah sembelit. Tiada kajian dijalankan pada kebolehan memandu dan mengendalikan mesin pada produk ini. Ia adalah dianggap tiada kesan sampingan.

Jika anda mendapati sebarang kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini, sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*]

Penyimpanan dan Pelupusan

SMECTA®

Simpan di tempat yang kering, di bawah suhu 30° C.

Jangan gunakan SMECTA® selepas tarikh luput seperti yang dicetak pada karton atau uncang.

Deskripsi produk

Bagaimana rupanya?

SMECTA® adalah serbuk berwarna kelabu keputihan dan sedikit bau oren.

SMECTA®dibungkus dalam uncang lembut dan leper; 1 kotak mempunyai 10, 12 atau 30 uncang.

Ramuan

Bahan aktif: 3g Dioctahedral Smectite
Eksipien: Glukosa monohidrat, natrium sakarin, perisa oren-vanilla (mengandungi sukrosa)

MAL No.

MAL10053679X

Pengilang

Mayoly Industrie,
20 Rue Ethe Virton 28100, Dreux, FRANCE.

Pemegang Pendaftaran Produk

Zuellig Pharma Sdn. Bhd.
No. 15, Persiaran Pasak Bumi,
Seksyen U8, Perindustrian Bukit
Jelutong, 40150 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh semakan

23/09/2025

Nombor siri

NPRA(R2/2)251023/01564